



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/08/114 (HQ)

TNB MENETAPKAN ASPIRASI PELEPASAN SIFAR BERSIH MENJELANG 2050

- Mengambil hala tuju kelestarian untuk **mengurangkan intensiti pelepasan sebanyak 35%** dan **mengurangkan separuh kapasiti penjanaan arang batu** menjelang 2035
- Pemulihan berperingkat prestasi kewangan Separuh Pertama Tahun Kewangan 2021 berikutan peningkatan aktiviti ekonomi dan pemulihan permintaan sektor industri

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan hala tuju kelestariannya dengan aspirasi untuk mencapai pelepasan sifar bersih (*net zero emissions*) menjelang 2050, sebagai satu langkah ke arah dekarbonisasi dan tenaga boleh diperbaharui (*Renewable Energy*).

“Hala tuju baharu ini adalah terjemahan jelas matlamat kelestarian TNB yang bermula pada 2016 dengan pelancaran pelan strategik Reimagining TNB. Komitmen hari ini memberi pemahaman yang lebih jelas terhadap hala tuju kelestarian TNB untuk tempoh 30 tahun akan datang,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

Baharin mendedahkan hala tuju kelestarian TNB serentak dengan pengumuman Separuh Pertama Tahun Kewangan 2021 (TK2021) hari ini.

Di bawah hala tuju kelestarian itu, TNB telah menyatakan hasrat untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Hasrat ini dipacu menerusi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan sebanyak 35% serta pengurangan 50% kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

Selain itu, TNB komited untuk memastikan pendapatan daripada loji penjanaan arang batu tidak melebihi 25% daripada keseluruhan pendapatannya. Awal tahun ini, syarikat telah menyatakan komitmennya untuk tidak lagi melabur dalam pembinaan loji arang batu di atas tapak baharu (*greenfield*) selepas Jimah East Power yang mula beroperasi pada 2019, manakala loji-loji sedia ada akan diberhenti tugas apabila perjanjian pembelian tenaga (PPA) tamat.

“Menjelang ke arah komitmen 2035, kami akan terus menambah baik kecekapan loji termal sedia ada kami dan meningkatkan portfolio penjanaan tenaga boleh diperbaharui kami. Sasaran kami adalah untuk mencapai 8,300MW RE menjelang 2025,” tambah Baharin.

“Kami percaya bahawa titik lengkuk balas (*inflection point*) antara tahun 2035 dan 2040 akan menentukan kadar trajektori sifar bersih kami. Justeru, dalam menuju ke tahap itu, TNB komited untuk membangunkan solusi penyimpanan tenaga dan kini dalam perbincangan dengan Kerajaan untuk melaksanakannya sebagai satu langkah bagi pertumbuhan RE. TNB juga komited untuk memacu pelaburan dalam teknologi hijau baru seperti hidrogen hijau serta pemerangkapan dan penggunaan karbon (CCU) – sebaik sahaja ia berdaya maju secara ekonomi,” tambah Baharin.

TNB kekal komited terhadap agenda hijau Kerajaan dan komitmen Malaysia untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45% menjelang 2030, berbanding dengan garis dasar tahun 2005.

“Hala tuju kelestarian TNB menyokong pelan RE negara untuk meningkatkan kapasiti tenaga hijau dalam gabungan kapasiti penjanaannya. Pelan kapasiti domestik kami adalah seajar dengan Pelan Pembangunan Penjanaan Semenanjung Malaysia, yang mengambil kira keperluan untuk mengimbangi trilema tenaga. Tumpuan perniagaan antarabangsa kami adalah membangunkan keseluruhan portfolio RE kami dan berfungsi sebagai peneroka bagi teknologi-teknologi hijau yang kemudiannya boleh diguna pakai di Malaysia,” tambah Baharin.

“Kami komited terhadap hala tuju kelestarian ini yang selari dengan tujuan TNB “**Better World · Brighter Lives**”. Inisiatif-inisiatif dan sumber ke arah merealisasikan matlamat-matlamat kami, akan menjadi sebahagian daripada pelaburan TNB untuk masa depan yang lebih hijau, sihat dan lestari untuk generasi masa hadapan,” ujar beliau.

Pemulihan Berperingkat Prestasi Separuh Pertama Tahun Kewangan 2021 rentetan Peningkatan Aktiviti-Aktiviti Ekonomi

TNB melaporkan pemulihan berperingkat prestasinya dalam Separuh Pertama Tahun Kewangan 2021 disebalik situasi pandemik COVID-19 semasa. Keuntungan selepas cukai (PAT) Kumpulan dicatatkan pada RM1,823.5 juta, meningkat daripada RM1,412.7 juta pada Separuh Pertama Tahun Kewangan 2020 tetapi masih lebih rendah berbanding PAT Separuh Pertama Tahun Kewangan 2019 sebelum pandemik iaitu RM2,651.3 juta.

Jualan elektrik meningkat sebanyak 4.9% kepada 59,304 GWh berbanding tempoh yang sama tahun lalu, berikutan perkembangan aktiviti ekonomi. Pertumbuhan permintaan dipacu oleh sektor industri yang menunjukkan peningkatan permintaan sebanyak 15.4% berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Margin pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) kekal pada 40.6% dalam Separuh Pertama Tahun Kewangan 2021, berikutan peningkatan dalam pendapatan yang menyederhana disebabkan perbelanjaan lebih tinggi sebanyak RM507.2 juta, yang sebahagian besarnya adalah disebabkan kos bukan penjanaan dan peruntukan lebih tinggi untuk hutang rugu sebanyak RM326.6 juta bagi tempoh itu.

“Pemulihan secara berperingkat dilihat pada EBITDA dan PAT sebahagian besarnya berikutan pendapatan elektrik Kumpulan yang lebih tinggi disebabkan pembukaan semula perniagaan tahun ini, berbanding dengan sekatan pergerakan penuh (*total lockdown*) yang dikuatkuasa pada tahun lalu dan rebat ICPT yang lebih rendah bagi tempoh itu. Prestasi anak-anak syarikat kami juga semakin meningkat oleh kerana lebih banyak perniagaan dibenarkan untuk beroperasi,” kata Baharin.

Meskipun dalam persekitaran yang mencabar, TNB terus menepati polisi dividennya dengan memberi pemegang saham bayaran dividen interim sebanyak RM1.26 bilion, bersamaan dengan dividen sesaham sebanyak 22.0 sen.

Prospek Separuh Kedua Tahun Kewangan 2021

Sepanjang tahun ini, prestasi ekonomi Malaysia adalah lebih baik dalam suku kedua dengan mencatatkan pertumbuhan 16.1% berbanding negatif 0.5% dalam suku pertama. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya dipacu peningkatan dalam permintaan domestik dan prestasi teguh eksport yang berterusan. Ia adalah konsisten dengan pertumbuhan dalam peningkatan permintaan yang dilaporkan TNB sebanyak 4.4% bagi separuh pertama tahun ini yang menunjukkan pemulihan dalam sektor industri.

Bagaimanapun, menjelang akhir suku kedua, kelembapan ekonomi berlaku berikutan penguatkuasaan semula langkah-langkah pencegahan yang lebih ketat di seluruh negara kerana kenaikan semula kes-kes COVID-19. Oleh itu, Bank Negara Malaysia telah meneliti semula unjuran pertumbuhan antara 3.0% dan 4.0% bagi 2021 (berbanding unjuran sebelumnya antara 6.0% dan 7.5%).

Di tengah-tengah perkembangan sewaktu pandemik ini, Kumpulan akan terus mengambil langkah-langkah berhemat dalam keperluan operasi mahupun kewangannya untuk memastikan ia kekal berdaya tahan.

Paparan Keputusan Kewangan

RM' Juta	6 Bulan Berakhir 30 Jun 2021	6 Bulan Berakhir 30 Jun 2020
Jumlah Pendapatan	23,919.0	22,545.3
Perbelanjaan Operasi	(19,204.3)	(18,683.2)
Pendapatan Operasi Lain	404.0	345.5
Lebihan Operasi (EBIT)	<u>4,451.1</u>	<u>4,046.0</u>
Kos Kewangan	(1,910.5)	(1,816.5)
Keuntungan Tukaran Wang Asing / (Kerugian)	(116.7)	(332.5)
Keuntungan (sebelum Keuntungan Tukaran Wang Asing / (Kerugian))	1,896.9	1,703.7
Keuntungan yang Diagihkan kepada Pemilik Syarikat	1,780.2	1,371.2
Keuntungan Tempoh Berkenaan	1,823.5	1,412.7
Pendapatan sesaham	31.18 sen	24.10 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian elektrik. Selain sebagai syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2021, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.1 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepada, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam mengerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2021, jam 5:10 petang
Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my



Awal tahun ini, syarikat telah menyatakan komitmennya untuk tidak lagi melabur dalam pembinaan loji arang batu di atas tapak baharu (*greenfield*) selepas Jimah East Power yang mula beroperasi pada 2019.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB,
Datuk Ir. Baharin Din